

Tawaran Muhyiddin bukan satu 'umpan'

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
maisarah.rahim@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Tawaran yang dibuat Tan Sri Muhyiddin Yassin adalah jalan terbaik untuk memastikan usaha memulihkan negara dari krisis kesihatan boleh dilaksana seperti yang dirancang agar ekonomi negara boleh segera bangkit dan pulih.

Bercakap kepada *Mingguan Malaysia*, Penganalisis politik Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Dr. Kartini Aboo Talib berkata, bagaimanapun, ramai menyifatkan ia sebagai umpan untuk mengurangkan ketegangan perebutan kuasa dan ada yang melihat sebagai alasan menafikan bahawa kerajaan Perikatan Nasional (PN) tidak lagi memperoleh majoriti.

Menurut beliau, tawaran itu bukanlah bentuk rasuah kerana rasuah dari segi harfiahnya ialah perbuatan memberi sesuatu dalam bentuk pelbagai (tunai, hadiah, tanah, rumah, kemudahan) secara rahsia untuk berbuat sesuatu yang tidak beretika.

“Sebaliknya tawaran ini dilakukan secara terbuka, dan jelas akan matlamat akhir yang ingin dicapai.

“Barisan pembangkang harus berfikir dan bertindak bijak serta tidak perlu terikut-ikut dengan percaturan beberapa pemimpin UMNO yang dilihat tidak lagi berupaya membawa wadah perjuangan rakyat.

“Mereka lupa rakyat. Kemelut perebutan kuasa ini sebenarnya



MUHYIDDIN Yassin ketika menyampaikan Ucapan Khas Bersama Memulihkan Negara kelmarin yang antara lain menawarkan kerjasama rentas parti kepada pembangkang bagi menstabilkan politik negara.

adalah suatu penghinaan kepada rakyat yang telah memberikan mandat menerusi undi kepada wakil rakyat ini,” katanya di sini semalam.

Kartini berkata, apabila Pakatan Harapan (PH) menolak tawaran Muhyiddin, mesej yang dihantar ialah ahli-ahli Parlimen tidak meletakkan kepentingan rakyat sebagai keutamaan.

pemerhati politik, Prof. Madya Dr. Muhammad Fathi Yusof berkata, apa yang diumumkan oleh perdana menteri merupakan satu bentuk tawaran kerjasama atau persefahaman merentasi parti politik dengan tujuan untuk menghadapi wabak Covid-19 dalam situasi ketidakpastian

politik.

Katanya, tawaran itu dibuat dalam keadaan sokongan yang dimiliki oleh Muhyiddin terjejas akibat tindakan ahli parlimen UMNO yang menarik sokongan seterusnya membentuk situasi yang mengundang kemelut politik, dan dalam masa yang sama tiada seorang ahli parlimen lain yang mampu membuktikan bahawa beliau memiliki kepercayaan majoriti Dewan Rakyat.

“Oleh yang demikian, tawaran yang diberikan oleh Muhyiddin itu suatu tawaran yang wajar dipertimbangkan semua pihak termasuk parti pembangkang.

“Sekurang-kurangnya pemimpin parti pembangkang wajar

menyertai perbincangan bagi mengetahui dengan lebih terperinci apa sebenarnya yang ingin dilaksanakan oleh Muhyiddin dan kerajaan sedia ada.

“Dan sekiranya tawaran-tawaran atau perancangan yang dikemukakan itu dilihat tidak memihak kepada kepentingan rakyat, maka tidak ada masalah bagi parti pembangkang untuk menolaknya,” katanya ketika dihubungi hari ini.

Pensyarah Kanan Pengajian Media dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr. Megat Al-Imran Yassin berkata, apa-apa bentuk pemberian untuk orang berubah hati menyokong adalah satu sogokan.